GSMA dan International Finance Corporation Menjadi Rakan Kongsi untuk Menyokong Pelaburan di dalam Pasaran Stesen Tapak Tenaga Boleh diBaharui

HONG KONG, November 18/PRNewswire/

GSMA, badan yang mewakili industri komunikasi mudah alih seluruh dunia ini, hari ini mengumumkan bahawa program Kuasa Hijau untuk Mudah Alih (GPM) miliknya sekarang berusaha bersama International Finance Corporation (IFC), cabang sektor swasta Kumpulan Bank Dunia, untuk menyokong pengendali mudah alih di dalam penerokaan penggunaan stesen-stesen tapak tenaga boleh dibaharui sebagai satu cara untuk mengoptimumkan modal dan perbelanjaan pengendalian. Melalui kolaborasi ini, pengendali mudah alih dalam pasaran yang membangun boleh mendapat manfaat daripada program-program bantuan teknikal, penyelidikan pasaran, dan perkongsian pengetahuan bagi membantu mereka melaksanakan rangkaian-rangkaian yang digerakkan oleh tenaga boleh dibaharui pada skala besar.

Matlamat keseluruhannya ialah untuk menjadikan penyelesaian-penyelesaian tenaga boleh dibaharui efektif kos satu sumber kuasa yang diguna meluas untuk lokasi-lokasi luar grid menjelang 2012. Inisiatif tersebut menawarkan satu cara terus untuk meningkatkan dengan pesatnya penggunaan tenaga boleh dibaharui di kawasan-kawasan luar grid di negara-negara membangun. IFC merancang untuk mengenal pasti dan meneruskan pelaburan kuasa hijau yang mengembangkan kegunaan rangkaian yang digerakkan oleh tenaga boleh dibaharui industri mudah alih di negara-negara membangun. IFC akan bertindak secara berasingan sebagai pelabur pengukuh, menawarkan para pengendali mudah alih negara membangun pelbagai peralatan kewangan bagi membolehkan perlaksanaan model-model perniagaan berdaya maju yang mengumpil kuasa boleh dibaharui buat perolehan efisiennya jangka panjang.

“Kami telah menganggarkan bahawa para pengendali mudah alih di seluruh dunia akan menanggung bil diesel sebanyak US$14.6 bilion daripada membekalkan kuasa kepada stesen-stesen tapak luar grid menjelang 2012,” kata Rob Conway, CEO dan Ahli Lembaga Pengarah, GSMA. “Dengan berusaha bersama IFC, kami berharap agar dapat menangani perkara ini dengan membantu para pengendali mudah alih mengembangkan liputan rangkaian ke kawasan-kawasan terpencil, mendirikan stesen-stesen tapak tenaga boleh dibaharui, mengurangkan kos tenaga mereka dan meminimumkan kesan ke atas alam sekitar.”

“IFC merasa gembira untuk bekerja sama dengan GSMA bagi membolehkan pengembangan liputan mudah alih ke kawasan-kawasan terpencil dan kurang perkhidmatan di dunia membangun, dengan demikian merapatkan jurang pemisah digital, berasaskan piawaian tertinggi untuk alam sekitar yang mampan,” ujar Mohsen Khalil, Pengarah gabungan Bank Dunia/Jabatan Informasi Global dan Teknologi Komunikasi IFC, unit yang bertanggungjawab ke atas perkongsian IFC.

Melalui pertalian tersebut, GPM akan menawarkan perkhidmatan Kajian Kebolehlaksanaan kepada para pengendali mudah alih dengan minat dalam meningkatkan kegunaan penyelesaian kuasa hijau mereka. Perkhidmatan ini melibatkan analisis teknikal dan kewangan ke atas rangkaian stesen tapak pengendali bagi mengenal pasti keutamaan calon tapak dan teknologi tenaga boleh dibaharui optimum, untuk meramal perbelanjaan modal dan pulangan pelaburan, dan membantu melaksanakan perancangan. GPM juga akan membangunkan kurikulum latihan bagi menyediakan bantuan teknikal lanjut dan mendidik para pengendali mudah alih tentang proses perlaksanaan stesen-stesen tapak tenaga boleh dibaharui.

GPM telah pun mendirikan satu pangkalan data yang dinamik dan sentiasa berkembang untuk mengawasi kemajuan yang dibuat oleh industri bagi mencapai

matlamat GPM untuk membekalkan kuasa 118,000 stesen-stesen tapak luar grid yang baru dan sedia ada di negara-negara membangun menggunakan sumber-sumber tenaga boleh dibaharui menjelang 2012. Pangkalan data industri tentang mendirikan stesen tapak hijau termasuk butiran tentang peralatan yang digunakan, anggaran jangka masa bayaran balik, cabaran-cabaran dan kejayaan, dan boleh dilihat di http://www.wirelessintelligence.com/green-power.

Satu laporan industri yang akan diterbitkan dua kali setahun akan memberikan perkembangan terkini di dalam sektor memperlihatkan kajian kes pengendali, pandangan dari pembekal, temu ramah, analisis teknologi dan panduan amalan terbaik - isu pertama boleh didapati di http://www.gsmworld.com/documents/gpfm_report_09_annual_review.pdf

Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih seluruh dunia. Meliputi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 operator mudah alih dunia, dan juga lebih daripada 200 buah syarikat di dalam ekosistem mudah alih yang lebih besar, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat-syarikat Internet, dan organisasi-organisasi media dan hiburan. GSMA memberi tumpuan ke atas menginovasikan, mengembangkan dan melahirkan peluang-peluang baru untuk ahli-ahlinya, semuanya dengan matlamat utamanya untuk mendorong pertumbuhan industri komunikasi mudah alih.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi Mobile World Live, portal dalam talian baru untuk industri komunikasi mudah alih, di http://www.mobileworldlive.com atau laman web korporat GSMA di http://www.gsmworld.com.

Tentang IFC

International Finance Corporation (IFC), ahli Kumpulan Bank Dunia, memupuk pertumbuhan ekonomi mampan di negara-negara membangun dengan menyokong kemajuan sektor swasta, menggerakkan modal persendirian, dan memberikan perkhidmatan nasihat dan meringankan risiko kepada perniagaan dan kerajaan. Pelaburan baru IFC berjumlah US15 bilion dalam tahun fiskal 2009, membantu menyalurkan modal kepada negara-negara membangun semasa krisis kewangan. Untuk maklumat lanjut, kunjungi http://www.ifc.org.

Sumber: GSMA

GSMA: Richard Fogg: +44-7887-845-236; Daniel Lowther: +44-7747-636-687; press@gsm.org